

09/01/1999

Pengucapan puisi Pena bertepatan Sabtu yang cuti

Ismas Saring

SUDAH lama majlis pengucapan Puisi Persatuan Penulis Nasional (Pena) diadakan pada setiap hari Jumaat malam Sabtu minggu pertama setiap bulan dan secara kebetulan 1 Januari, 1999 yang lalu jatuh pada hari Jumaat, sekali gus tabir pengucapan puisi Pena dibuka pada tahun baru.

Dengan berlangsungnya persembahan untuk kali ketujuh dalam siri pembacaan puisi di Rumah Pena dan siri kali pertama pembuka 1999 ini, maka terbuktilah bermulanya satu tradisi oleh Pena dalam acara pembacaan puisi secara tetap dan regular setiap bulan memasuki tahun kedua pada tahun ini.

Tahniah kepada Pena pimpinan Datuk Ahmad Sebi Bakar. Malam Sabtu baru-baru ini, penulis hadir kira-kira dengan hajat juga untuk menemuinya, sayangnya beliau berada di luar negara.

Bagaikan sumpah keramat, Baca Puisi Pena pada Jumaat malam Sabtu pertama setiap bulan. Dan setiap bulan juga kerajaan memberi cuti kepada kakitangan sektor awam juga pada hari Sabtu minggu pertama setiap bulan yang secara kebetulan mulai tahun baru ini, kecuali jika Sabtu minggu pertama cuti awam akan diganti kepada Sabtu minggu kedua pada bulan berkenaan.

Dalam penghayatan lain, bagi masyarakat penyair khususnya menerima cuti yang diperkenankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu bukan saja dengan hati terbuka, tetapi juga kesyukuran kerana secara tidak langsung ia seolah-olah memberi restu dan pengiktirafan kepada kegiatan Pena selama ini, kerana malamnya berpuisi esoknya peluang bercuti.

Diharapkan dengan cuti tambahan yang jatuh pada hari berkenaan, mungkin memberikan semacam `rasa' di kalangan kakitangan sektor awam untuk mensyukuri hari kelepasan itu dengan turut bersama masyarakat penyair berkunjung ke dataran Rumah Pena untuk jikapun tidak mendeklamasikan puisi, sekurang-kurangnya `belajar' menghayati erti puisi bagi memadamkan tanggapan negatif terhadap puisi sebagai hasil khayalan yang tidak mendatangkan apa-apa kesan dan hanya dilakukan oleh orang gila.

Sesungguhnya, puisi adalah jalur tamadun bangsa yang mempunyai pengucapan amat terhad tetapi membawa makna yang melangkaui pemikiran dan cita-cita global di samping mewarnakan perjuangan, bukan saja sekumpulan manusia, masyarakat tetapi satu bangsa yang bermaruah dan sebuah negara yang berdaulat. Namun ia sering disalah tafsirkan sebagai keluhan orang yang kecewa dan gila saja.

Sehubungan itu, penulis ingin melihat `reformasi' oleh masyarakat terhormat agar memandang serta menerima puisi sebagai wadah perjuangan bangsa yang tidak perlu mengambil waktu panjang dalam pengucapannya, tetapi memiliki erti dan wawasan yang jitu.

Dalam tradisi bangsa Melayu, puisi bukan sesuatu yang kosong dan tidak bermakna. Puisi pernah digunakan secara ampuh oleh ulama untuk menyebarkan Islam. Hamzah Fansuri, seorang ulama besar Asia Tenggara pernah menggunakan bentuk puisi bagi menyebarkan ajaran Islam. Demikian juga Syair Siti Zubaidah, yang mengisahkan mengenai sikap sabar seorang yang kukuh dan kuat iman dan Islamnya dalam berjuang, sehingga pada akhirnya perjuangannya itu memperoleh hasilnya iaitu kemenangan.

Begitulah pengucapan Puisi Ramadan sebagai kegiatan rutin Pena setiap bulan membuka tirai tahun baru dengan pelbagai rasa dan luahan hati daripada hampir 100 orang khalayak pada malam itu dengan mengisi waktu senggang pada awal tahun baru mengikut detik nadi dan sedap rasa yang

dilonggarkan. Dalam kata lain, tidak terikat kepada peraturan jauh sekali 'sujud' kepada cara tertentu mendeklamasikan puisi.

Dengan kebebasan 'sesedap rasa' membuatkan majlis itu terserlah dan bernafas dengan rasa muhibah dalam kumpulan manusia tanpa mohor status menyampaikan puisi dan lagu puisi masing-masing sebebass unggas dan gaya terbangnya di angkasa raya.

Pengerusi majlis, Borhan Md Zain menjemput peserta tampil membaca puisi dengan kata-kata bahawa setiap mereka bebas membaca atau mendeklamasikan puisi masing-masing tanpa terikat kepada hukum puisi.

"Bacalah puisi anda semua dan jangan terlalu tunduk kepada mereka yang mahu puisi dibaca menurut hukum-hakamnya, kerana kita di sini tiada hakim dan juri sebagaimana dalam sayembara deklamasi puisi yang perlu memenuhi syarat serta hukum hakam penganjurnya," katanya.

Majlis bermula dengan penyampaian beberapa puisi oleh beberapa penyair termasuk Sutung Umar R S, Dinsman, Azaha Othman, Dr Ibrahim Ghafar, Marzuki Ali (sekadar beberapa nama) di samping penyampaian lagu puisi oleh Kumpulan Koprata diwakili Sani Sudin dan Fauziah Nawi. Majlis diakhiri dengan penyampaian sebuah lagu oleh Presiden Papita, A Rahman Hassan yang begitu meruntun perasaan dalam lagu Kupu-kupu Malam yang menurut beliau, liriknya ditulis oleh penyanyi Indonesia tak asing lagi, Titiek Puspa.

Penulis tertarik dalam beberapa perkara, terutama kehadiran Rahman dan Fauziah menguatkan lagi kegiatan pengucapan puisi Pena malam itu dan juga pada masa depan. Kehadiran mereka khasnya boleh dikatakan sebagai bukan sekadar perangsang, malah menyuntik rasa juang Pena selama ini.

Adalah diharapkan lebih ramai lagi golongan masyarakat seperti mereka menghadirkan diri menikmati angin malam bersama belajar mencecah nikmat erti puisi sebenarnya.

Agak terusik apabila Borhan menjemput penulis menyampaikan puisi Ramadan dan memberitahu sekali lagi tidak perlu ikut tajwid kerana beliau tahu penulis adalah yang mempertahankan puisi itu subjektif sifatnya dan tidak perlu mengikut hukum hakam puisi jika seseorang mahu 'menginsafi' (bukan menghayati) puisi berikutan tentangan penulis kepada Prof Madya A Rahman Shaari berikutan teater Dari Bintang ke Bintang (DBKB) Fauziah yang oleh Rahman dikatakan sebagai gagal dan menghakis estetika puisi.

Penulis sempat bertanya kepada beberapa rakan malam itu dan sebahagian besar mereka bersetuju, tidak semua puisi perlu diucapkan mengikut tajwidnya, kecuali jika dalam sayembara, "kalau sekadar untuk disampaikan (diluahkan) melepas rasa (geram?) mahupun fikiran pada majlis baca puisi, tidak ada garis panduan ditentukan, ia lepas bebas mengikut sesedap rasa sang pembaca."

Tiba waktunya, Borhan menjemput Fauziah membaca puisi dan secara spontan Fauziah bersama kumpulannya tampil. Dia tidak terus berpuisi atau berlagu melainkan dengan pendahuluannya yang mencetuskan gelak. Ternyata dalam persembahannya, Fauziah mempunyai suara gaya soprano, jelas amat menarik.

"Saya tidak mahu baca puisi, takut. Nanti kena hentam lagi jika tidak betul, tetapi kami akan sampaikan lagu puisi yang pastinya tidak tertakluk kepada hukum hakam baca puisi."

Mereka menyampaikan dua lagu puisi masing-masing berjudul Pelabuhan Jauh karya T Alias Taib dan Sahabat karya A Rahman Adnan. Secara solo, Fauziah menyampaikan lagu puisi Tuhan juga karya A Rahman Adnan.

Penulis rasa Fauziah tidak buta dengan puisi, dia berjaya dalam lagu-lagu puisi yang disampaikan. Penulis mengira, kalau kedua-dua penulis puisi (A Rahman-T Alias) hadir, jikapun mereka tidak merasa puas hati dengan nyanyian Fauziah dan Kumpulannya, tetapi pastinya mereka tidak terasa karyanya dirogol. Kerana itulah tafsiran/nilai sifat subjektif.

Persembahan Koprata memang menjadi 'baja' pada majlis itu dan juga kumpulan lain yang mula mewarnai keindahan baca puisi Pena adalah

diharapkan terus menjadi pemangkin kepada kegiatan itu.

Tidak lupa juga kumpulan pelajar dari UIA di mana salah seorang daripada mereka menyampaikan puisi dalam bahasa Arab. Dengan itu, baca puisi bukan terhad kepada puisi bahasa Melayu saja tetapi juga bahasa Arab. Mana tahu selepas ini ada peserta yang bakal membaca puisi pada majlis itu dalam pelbagai bahasa termasuk Tamil, Cina, Urdu, Hindustan, Thai dan Inggeris? Penganjur pastinya tidak menutup pagarnya ke arah itu.

Khabarnya, kegiatan baca puisi Pena tidak sekadar berlegar di dataran rumah Pena saja tetapi juga bakal keluar semacam 'road show' menjelajah dari negeri ke negeri serta mempelbagaikan kegiatan kepada mengadakan forum dengan badan di luar karyawan puisi.

Kegiatan pada Februari ini seperti yang sudah dijadualkan akan berjalan lancar. Pada kali ini, penyiar TV3 diberi kesempatan membaca puisi. Pada malam itu juga, penulis difahamkan, akan ada pelukis dengan kanvasnya, di suatu sudut di dataran Pena itu melukiskan warna kehidupan manusia. Jadi sambil mendengar puisi yang beralun bersama segar angin malam, mata dapat pula menikmati goresan warna maya oleh pelukis.

Penulis juga difahamkan, penyair yang ingin menjual antologi puisi masing-masing (yang belum habis terjual atau mula dipasarkan) boleh membawanya ke majlis itu untuk jualan langsung (direct sale) dan Pena akan menyediakan satu sudut dengan meja khas untuk tujuan 'pasar puisi', hal itu tentunya menggembirakan karyawan khususnya mereka yang sudah menerbitkan antologi.

Malam itu antologi puisi Bukan Apa-apa... karya penyair, pelakon filem /teater, aktivis/pengarah teater dan aktor filem terbaik Asia Pasifik, Khalid Salleh dipasarkan.

Sesungguhnya majlis seperti itu bukan saja memberi makna tetapi manfaat khususnya di kalangan penyair kerana mereka dapat bertemu muka di antara satu sama lain jika pun selama ini hanya melihat karya atau nama masing-masing di akhbar/majalah/radio atau televisyen saja.

Sebagaimana kata Borhan Mohd Zain, setiap majlis pengucapan puisi Pena membawa dan menyimpul sejarah tersendiri, dan ini terbukti malam itu berjaya mengemukakan ramai bakat baru di samping menggilap (kehadiran) orang lama yang kian kelam dan terbenam!

(END)